

KESAN PENGGUNAAN KAEDAH BERBERITA DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS TAHUN LIMA.

Oleh

LoiKuang Siang
Loi_LKS@hotmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk menguji keberkesanannya penggunaan kaedah bercerita untuk menarik minat dan meningkatkan pencapaian murid-murid tahun lima dalam proses pembelajaran Sains. Responden kajian terdiri daripada 40 orang murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di Kuching. Kajian tindakan ini telah dijalankan dengan menggunakan komputer dan LCD yang memberi rangsangan penglihatan. Data-data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual, soal selidik dan Ujian pra dan Ujian Pos. Hasil analisis keputusan menunjukkan bahawa kaedah bercerita telah berjaya menarik minat dan meningkatkan pencapaian murid-murid tahun lima dalam pembelajaran Sains.

Kata kunci: Kaedah bercerita, keberkesanannya, minat, pencapaian, Tahun Lima.

ABSTRACT

This action research was conducted to investigate the effectiveness of the use of storytelling to enhance interest and improve the performance of Year Five pupils in Science. Respondents of the study consist of 40 Year Five students in a primary school. A total of 40 respondents from a primary school in Kuching was involved in the survey. This action research used a computer and LCD to give visual stimulation. Data were collected through observations, interviews, questionnaires and Pre Tests and Post Tests. Results of the analysis showed that the method of storytelling had enhanced the interest and improved Year Five students' achievements in Science.

Keywords: Storytelling, effectiveness, interest, performance, Year Five.

PENGENALAN

Konteks

Berdasarkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran Sains saya pada praktikum yang lepas, saya telah mendapati bahawa minat murid-murid terhadap sesuatu pelajaran amat penting untuk mengekalkan tumpuan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru memainkan peranan yang amat penting dalam mengekalkan tumpuan murid-murid kerana perancangan proses pengajaran dan pembelajaran terletak di tangan guru.

Sepanjang praktikum yang lepas, saya mendapati betapa susahnya untuk mengekalkan tumpuan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan contohnya semasa memberi penjelasan. Tumpuan murid-murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran adalah tidak menentu dan ia berbeza mengikut individu. Hal ini kerana setiap individu adalah berbeza. Menurut Khairul Yusri (2007), perbezaan individu bermaksud variasi atau ketidakaksamaan individu

daripada norma kumpulannya sama ada dari segi sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku, sosial atau bakat dan aspek-aspek yang lain.

Apabila murid-murid hilang tumpuan terhadap pengajaran, banyak perkara boleh berlaku. Murid yang bosan akan mencari pelbagai cara untuk menghiburkan hati mereka sendiri. Akibat daripada itu, banyak gangguan akan berlaku sehingga menjelaskan perjalanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Kes yang ringan adalah seperti termenung dan membuat kerja sendiri. Kes yang berat mungkin akan mengakibatkan pergaduhan dalam kelas.

Isu Keprihatinan

Daripada pemerhatian yang dibuat, ramai murid Tahun Lima dalam sebuah sekolah rendah di Kuching tidak dapat memberi perhatian semasa guru menjelaskan sesuatu konsep Sains. Tumpuan murid-murid Tahun Lima adalah tidak menentu dan mereka menunjukkan pelbagai perlakuan yang tidak diingini semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung seperti yang ditunjukkan pada Gambar 1.



Gambar 1. Tingkah laku murid tahun 5.

Melalui soal selidik yang dibuat ke atas 40 orang murid Tahun Lima, didapati seramai 22 (55.0%) orang murid Tahun Lima menyukai mata pelajaran Sains dan seramai 18 (45.0%) orang lagi tidak menyukainya.

Respon murid-murid Tahun Lima tentang minat mereka terhadap Sains ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1.

Respon Murid-murid Tahun 5 Terhadap Minat Mereka Dalam Sains

Respon Murid	Kekerapan	Peratusan (%)
Ya	22	55.0
Tidak	18	45.0

Apabila disoal mengapa mereka tidak meminati mata pelajaran Sains, respon 18 orang murid ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2.
Alasan Murid Tahun 5 Tidak Meminati Sains

Respon Murid	Kekerapan	Peratusan (%)
Membosankan	8	44.0
Tidak suka membuat tugas Sains	2	11.0
Tidak suka guru Sains	1	6.0
Keputusan Sains tidak baik	3	17.0
Tidak faham apa yang diajar oleh guru	4	22.0
Lain-lain	0	0.0

Punca yang menyebabkan murid-murid Tahun Lima tidak meminati mata pelajaran Sains dikategorikan mengikut pola seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 3.
Pola dan Kategori Faktor-faktor Murid Tidak Meminati Sains

Faktor-faktor	Kategori	Faktor	Peratusan (%)
Tidak faham apa yang guru ajar dalam kelas	Kaedah P&P	Faktor guru	72.0
Membosankan	Kaedah P&P		
Tidak suka guru Sains	Personaliti guru		
Keputusan Sains terlalu lemah	Penguasaan murid	Faktor murid	28.0
Tidak suka membuat kerja / tugas / latihan Sains	Personaliti murid		

Daripada Jadual 3, didapati kebanyakkan murid beranggapan guru merupakan punca utama mereka tidak menyukai mata pelajaran Sains. Hal ini kerana mereka merasa mata pelajaran tersebut membosankan, tidak dapat memahami apa yang diajar oleh guru dan tidak suka kepada guru Sains. Namun begitu, sebab tidak faham apa yang diajar oleh guru mungkin disebabkan oleh sikap murid itu sendiri. Murid-murid yang tidak memberi tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan tentu sekali akan tercincir. Lima (28%) orang murid Tahun Lima yang tidak meminati mata pelajaran Sains adalah berpunca daripada diri mereka sendiri. Murid-murid berasa kurang yakin terhadap mata pelajaran tersebut akibat daripada keputusan yang lemah. Sikap murid yang malas untuk membuat tugas juga boleh menyebabkan keputusan mereka menjadi lemah dan akhirnya mengakibatkan minat mereka terhadap mata pelajaran Sains turut berkurangan. Pencapaian murid-murid tahun 5 turut dikumpul melalui ujian lepas iaitu Peperiksaan Pertengahan Penggal 1 (Jadual 4).

Jadual 4

Data Keputusan Peperiksaan Pertengahan Penggal 1 Bagi 40 Orang Murid Tahun 5 Untuk Mata Pelajaran Sains

Bil	Markah	Gred	Kekerapan	Tahap	Peratusan
1	80-100	A	5	Cemerlang	12.5%
2	60-79	B	16	Baik	40.0%
3	40-59	C	14	Sederhana	35.0%
4	20-39	D	4	Lemah	10.0%
5	0-19	E	1	Sangat lemah	2.5%

Daripada Jadual 4, didapati kebanyakan murid-murid Tahun Lima adalah tergolong dalam murid-murid yang sederhana dan baik. Kebanyakan mereka mendapat keputusan yang baik dan sederhana iaitu 40.0% mendapat keputusan yang baik (Gred B) dan 35.0% mendapat keputusan yang sederhana (Gred C). Terdapat 5 (12.5%) orang murid mendapat keputusan yang cemerlang (Gred A). Seramai 5 (12.5%) orang murid gagal dalam peperiksaan tersebut iaitu 4 (10.0%) orang mendapat keputusan yang lemah (Gred D) dan seorang (2.5%) mendapat keputusan yang sangat lemah (Gred E). Daripada analisis peperiksaan Sains untuk pertengahan penggal satu, didapati murid Tahun Lima boleh dikategorikan dalam kelas yang sederhana baik. Terdapat seorang murid yang mendapat keputusan yang sangat lemah kerana dia merupakan murid pemulihian yang masih tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Selain itu, hasil tinjauan awal menerusi borang soal selidik terhadap minat murid kepada kaedah bercerita turut mendapat sambutan yang agak baik (Jadual 5).

Jadual 5.

Kekerapan Pemilihan Hobi Oleh 40 Orang Murid Tahun 5

Hobi	Kekerapan	Peratus(%)
Sukan	13	32.5
Permainan video	6	15.0
Membaca Buku cerita	6	15.0
Menonton Televisyen	8	20.0
Menyanyi	2	5
Lain-lain	5	12.5

Berdasarkan Jadual 5, sebanyak 6 (15.0%) murid-murid memilih membaca buku cerita sebagai hobi mereka. Walaupun jumlah ini tidak besar tetapi ia merupakan aktiviti yang berfaedah dan dapat dilaksanakan di dalam bilik darjah. Justeru itu, saya bercadang untuk memilih kaedah bercerita untuk meningkatkan minat dan pencapaian murid Tahun Lima terhadap Sains. Brophy (1998) mengatakan bahawa proses pembelajaran merupakan sesuatu yang menyeronokkan sekiranya kurikulum yang digubal sesuai dan guru melaksanakan aktiviti yang selari dengan kehendak dan minat pelajar. Sekira ini terjadi, guru dapat mencetus pencapaian murid kepada tahap yang cemerlang dan membanggakan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- Meningkatkan minat murid-murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di Kuching terhadap mata pelajaran Sains melalui set induksi dengan cara bercerita.
- Meningkatkan kefahaman murid-murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di Kuching terhadap konsep Sains yang hendak diajar melalui cara bercerita.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membantu menjawab soalan-soalan berikut:

- Adakah kaedah bercerita dalam set induksi berkesan untuk meningkatkan minat murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di Kuching terhadap mata pelajaran Sains?
- Adakah kaedah bercerita berkesan untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di Kuching terhadap Sains?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Pemilihan Cerita

Dua buah cerita direka berdasarkan objektif dan hasil pembelajaran mengikut yang ditunjukkan pada Jadual 6. Melalui cerita pertama, peserta kajian akan dapat mengelaskan objek dan bahan ke dalam tiga keadaan jirim, manakala melalui cerita kedua, peserta kajian akan dapat menyatakan cirri-ciri pepejal, cecair dan gas. Dua soalan disediakan berdasarkan hasil pembelajaran untuk dijawab pada sesi Ujian Pra dan Ujian Pos.

Jadual 6.

Penentuan Hasil Pembelajaran Sains Bagi Tajuk Keadaan Jirim Untuk Murid-Murid Tahun Lima.

Tajuk	Objektif		Hasil pembelajaran
	pembelajaran		
Keadaan Jirim	Memahami bahawa jirim terdiri daripada bentuk pepejal, cecair atau gas.	Murid-murid dapat:	<ul style="list-style-type: none">• Mengelaskan objek dan bahan ke dalam tiga keadaan jirim.• Menyatakan ciri-ciri pepejal.• Menyatakan ciri-ciri cecair.• Menyatakan ciri-ciri gas.

Pelaksanaan Tindakan

Jadual 7.

Pelan Tindakan

Bil	Fasa	Tarikh	Tindakan
1.	Sebelum	02/7/2012	Ujian Pra dijalankan untuk seluruh kelas murid Tahun Lima
2.	Semasa	12/7/2012	Rawatan 1 melalui kaedah bercerita dijalankan. Membuat pemerhatian semasa menyampaikan cerita. Seorang rakan guru pelatih mengambil gambar sambil membuat pemerhatian.
3.	Selepas	12/7/2012	Ujian Pasca (soalan 1) dijalankan untuk 40 orang murid Tahun Lima.
4.	Semasa	16/7/2012	Rawatan 2 melalui kaedah bercerita dijalankan. Membuat pemerhatian semasa menyampaikan cerita. Seorang rakan guru pelatih mengambil gambar sambil membuat pemerhatian.
5.	Selepas	16/7/2012	Ujian Pasca (soalan 2) dijalankan untuk murid Tahun 5.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di Kuching dan melibatkan 40 orang murid Tahun Lima dari sekolah tersebut. Peserta terdiri daripada 19 (47.5%) orang murid perempuan dan 21 (52.5%) orang murid lelaki. Majoriti murid Tahun Lima terdiri daripada kaum-kaum Bumiputera lain iaitu Iban, Bidayuh dan lain-lain. Hanya lima orang murid Tahun Lima merupakan kaum Cina dan seorang merupakan kaum Melayu. Prestasi akademik untuk peperiksaan pertengahan penggal satu bagi murid-murid Tahun Lima adalah sederhana di mana lima (12.5%) orang mendapat keputusan yang cemerlang, 16 (40.0%) orang mendapat keputusan yang baik, 14 (35.0%) orang mendapat keputusan yang sederhana, 4 orang (10.0%) tergolong dalam murid yang lemah dan seorang (2.5%) iaitu seorang merupakan murid permulihan yang sangat lemah.

Teknik Mengumpul Data

Temu Bual

Saya menemu bual 5 orang peserta kajian yang dipilih secara rawak dari kelas Tahun Lima untuk mengumpul data dengan meminta pendapat peserta sendiri mengenai minat peserta kajian terhadap kaedah bercerita dan pemahaman mereka terhadap konsep Sains melalui kaedahbercerita.

Pemerhatian

Saya menggunakan borang senarai semak, gambar, dan borang pemerhatian untuk mengumpulkan data pemerhatian mengenai penglibatan murid semasa rawatan 1 dan 2 diberikan. Saya telah mengaplikasikan Skala Likert ke dalam borang senarai semak. Pemerhatian dicatat pada nota ringkas sebelum menulisnya pada borang pemerhatian. Gambar-gambar diambil untuk mengimbas kembali keadaan sebenar semasa rawatan 1 dan 2. .

Ujian Pra dan Pos

Ujian Pra dan Ujian Pos mengandungi 2 soalan pilihan untuk menguji tahap pengetahuan dan kefahaman murid-murid Tahun Lima terhadap topik yang dikaji. Ujian Pra dijalankan pada 2 Julai 2012 ke atas 40 orang peserta kajian dan Ujian Pos dijalankan pada 12 Julai 2012 dan 16 Julai 2012 iaitu selepas rawatan 1 dan rawatan 2 diberikan.

Soal Selidik

Borang soal selidik diedarkan pada 16 Julai 2012 untuk dijawab oleh 40 orang peserta kajian selepas rawatan 2 diberikan. Borang soal selidik mempunyai 2 objektif utama iaitu untuk mendapatkan data mengenai minat peserta kajian terhadap kaedah yang dikaji dan mendapatkan data mengenai keberkesanannya kaedah kajian untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam topik yang dikaji.

Teknik Menganalisis Data

Analisis Kandungan

Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data kualitatif, seperti data temu bual, gambar dan borang pemerhatian. Bagi langkah analisis kandungan bagi data temu bual, saya telah memberi tumpuan kepada maklumat penting dalam transkrip temu bual. Kemudian, maklumat penting dikategorikan bagi membentuk tema tertentu untuk menjawab soalan kajian.

Saya juga menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis gambar dan data-data borang pemerhatian. Dengan ini, saya dapat memerhati dan membuat interpretasi terhadap tingkah laku murid yang berhubung dengan persoalan kajian saya iaitu berkaitan dengan penglibatan dan minat murid dalam pembelajaran Sains.

Analisis Deskriptif Statistik

Teknik analisis ini digunakan untuk menganalisis data-data yang dipungut daripada Ujian Pra dan Ujian Pos, senarai semak dan soal selidik. Teknik ini membolehkan saya mengira data jenis kuantitatif untuk mengenal pasti perubahan bagi menjawab persoalan kajian.

Teknik Menyemak Data

Antara teknik menyemak data yang digunakan dalam kajian ini adalah triangulasi kaedah dan triangulasi penyelidik.

Dalam triangulasi kaedah, pengumpulan data untuk menjawab setiap persoalan kajian telah dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai kaedah. Antara kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti perubahan minat adalah melalui temu bual, pemerhatian dan soal selidik. Manakala kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk mengenal pasti peningkatan pencapaian adalah melalui temu bual, soal selidik dan Ujian Pra dan Ujian Pos.

Dalam triangulasi penyelidik, saya telah melibatkan seorang rakan yang menjalankan sesi praktikum dan internship di sekolah yang sama dalam kajian saya. Beliau telah melibatkan diri untuk membuat pemerhatian semasa rawatan 1 dan rawatan 2 dijalankan. Data-data pemerhatian diisikan ke dalam senarai semak dan borang pemerhatian yang membolehkan saya untuk menyemak data saya. Selain itu, saya turut meminta tunjuk ajar dan pendapat beliau sepanjang perlaksanaan kajian ini.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- Keberkesanan Kaedah Bercerita Dalam Meningkatkan Minat Murid Tahun Lima Terhadap Pembelajaran Sains

Menurut Green (2004), cerita mempunyai pelbagai fungsi di dalam kelas, termasuk mencetuskan minat pelajar. Rajah 1 menunjukkan data minat murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan cerita yang dikumpulkan melalui temu bual.

Soalan Pertama	
Saya: Adakah anda suka jika guru menggunakan cerita dalam pengajaran Sains?	
Murid A : Ya sebab tidak membosankan.	
Murid B : Ya sebab saya suka dengar cerita.	
Murid C : Suka sebab saya tak pernah mendengar cerita ini.	Menunjukkan murid-murid berminat terhadap penggunaan kaedah bercerita.
Murid D : Ya sebab ia seronok dan menggembirakan.	
Murid E : Ya sebab lucu.	
(Transkrip Temu Bual saya dengan 5 orang peserta kajian, 16 – 17 Julai 2012)	

Rajah 1. Minat Lima orang murid yang ditemu bual terhadap pembelajaran Sains melalui kaedah bercerita.

Daripada Rajah 1, lima orang peserta kajian yang ditemubual bersetuju dan mengakui minat mereka terhadap kaedah bercerita dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains.

Daripada Jadual 8, didapati 38 (95%) orang murid Tahun Lima menyukai cara guru mengajar dengan cara bercerita. Manakala 39 (97.5%) orang murid ingin tahu akan kesudahan cerita. Seramai 31 (77.5%) orang murid tahun 5 berharap guru akan terus menggunakan cerita dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains.

Jadual 8.

Dapatan Soal Selidik Mengenai Pencapaian Murid

Item	Perkara	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
1.	Saya suka cara guru mengajar dengan cara bercerita pada permulaan pengajaran.	95.0	5.0
2.	Saya telah menumpukan perhatian semasa guru bercerita..	87.5	12.5
3.	Saya berharap guru akan mengajar dengan bercerita dalam mata pelajaran Sains.	77.5	22.5

Daripada Rajah 2, didapati ramai murid-murid menumpukan perhatian semasa kaedah bercerita dijalankan. Perlakuan yang menunjukkan tidak berminat adalah jarang diperhatikan. Ini merupakan hasil pemerhatian penyelidik yang dijalankan semasa dua kali rawatan.

Jadual 9.

Markah Terkumpul Dan Min Daripada 4 Borang Senarai Semak Dua Rawatan

Bil.	Item	Jumlah Skor kekerapan (rawatan 1 + rawatan 2)		Min (Jumlah Skor kekerapan oleh kedua-dua penyelidik / 4)	
		Pemerhati			
		Penyelidik	Rakan		
1.	Murid memberikan perhatian sepanjang set induksi dijalankan.	5+4	5+3	4.3	
2.	Murid memandang ke arah lain semasa rawatan.	1+2	2+2	1.8	
3.	Murid-murid berbual antara satu sama lain semasa rawatan.	1+1	1+2	1.3	
4.	Murid membuat kerja sendiri semasa rawatan.	1+1	1+2	1.3	
5.	Murid bermain-main semasa rawatan.	1+1	1+1	1	
6.	Murid-murid memberi respon terhadap cerita semasa rawatan.	3+4	4+3	3.5	
7.	Murid-murid menunjukkan daya usaha untuk menjawap soalan ujian selepas rawatan.	4+4	5+4	4.3	

Menunjukkan murid-murid berminat dengan memberikan perhatian semasa rawatan.

Perlakuan yang tidak diingini adalah tidak kerap berlaku semasa rawatan.

Rajah 2. Analisis jadual min borang senarai semak.

Fryland (1994) dalam Omardin (1999) menyatakan minat yang timbul dalam setiap diri pelajar akan mempengaruhi proses pembelajaran. Apabila seseorang itu berminat dengan apa yang dilakukannya, maka beliau akan bersedia belajar dengan tekun sehingga mencapai apa yang dicita-citakan. Ini bermakna proses pengajaran akan berjalan lancar sekiranya pelajar berminat dengan subjek dan kaedah yang digunakan. Secara kesimpulannya, kaedah bercerita dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains berkesan untuk menarik minat murid Tahun Lima.

- Keberkesanan kaedah bercerita untuk meningkatkan pencapaian murid tahun 5 terhadap konsep Sains.

	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="3" style="text-align: center;">States of matter</th> </tr> <tr> <th style="text-align: left;">Properties</th> <th style="text-align: center;">Solid</th> <th style="text-align: center;">Liquid</th> <th style="text-align: center;">Gas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Has a fixed shape.</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td style="text-align: center;">✓</td> </tr> <tr> <td>Has mass.</td> <td style="text-align: center;">✗</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> </tr> <tr> <td>Has a fixed volume.</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td style="text-align: center;">✗</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> </tr> <tr> <td>Can be compressed.</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td style="text-align: center;">✓ ✗</td> <td style="text-align: center;">✗</td> </tr> </tbody> </table>	States of matter			Properties	Solid	Liquid	Gas	Has a fixed shape.	✓ ✓	✓	✓	Has mass.	✗	✓ ✓	✓ ✓	Has a fixed volume.	✓	✗	✓ ✓	Can be compressed.	✓	✓ ✗	✗
States of matter																								
Properties	Solid	Liquid	Gas																					
Has a fixed shape.	✓ ✓	✓	✓																					
Has mass.	✗	✓ ✓	✓ ✓																					
Has a fixed volume.	✓	✗	✓ ✓																					
Can be compressed.	✓	✓ ✗	✗																					
6/12	7/12																							

Ujian Pra

Rajah 3. Pencapaian Murid A bagi Ujian Pra.

	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="3" style="text-align: center;">States of matter</th> </tr> <tr> <th style="text-align: left;">Properties</th> <th style="text-align: center;">Solid</th> <th style="text-align: center;">Liquid</th> <th style="text-align: center;">Gas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Has a fixed shape.</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td style="text-align: center;">✓</td> </tr> <tr> <td>Has mass.</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> <td style="text-align: center;">✗</td> </tr> <tr> <td>Has a fixed volume.</td> <td style="text-align: center;">✗</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> <td style="text-align: center;">✓</td> </tr> <tr> <td>Can be compressed.</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td style="text-align: center;">✓ ✓</td> </tr> </tbody> </table>	States of matter			Properties	Solid	Liquid	Gas	Has a fixed shape.	✓ ✓	✓	✓	Has mass.	✓ ✓	✓ ✓	✗	Has a fixed volume.	✗	✓ ✓	✓	Can be compressed.	✓	✓	✓ ✓
States of matter																								
Properties	Solid	Liquid	Gas																					
Has a fixed shape.	✓ ✓	✓	✓																					
Has mass.	✓ ✓	✓ ✓	✗																					
Has a fixed volume.	✗	✓ ✓	✓																					
Can be compressed.	✓	✓	✓ ✓																					
11/12	10/12																							

Ujian Pos

Rajah 4. Pencapaian Murid A bagi Ujian Pos.

Daripada Rajah 3 dan Rajah 4, pencapaian Murid A dalam Soalan 1 dan Soalan 2 pada Ujian Pos telah meningkat berbanding Ujian Pra. Jadual 12 menunjukkan perbandingan min bagi markah Ujian Pra dan Ujian Pos yang melibatkan 40 orang peserta kajian.

Jadual 9.

Perbandingan antara Min bagi Markah Ujian Pra dan Pos

Min bagi Markah Ujian	Ujian	
	Pra	Pos
	71.9	86.0

Berdasarkan Jadual 9, didapati secara puratanya pencapaian keseluruhan telah meningkat iaitu daripada 71.9 ke 86.0.


Jadual 10 menunjukkan dapatan soal selidik daripada 40 orang peserta kajian mengenai pencapaian murid setelah kaedah bercerita dalam proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Jadual 10.

Dapatan Soal Selidik Mengenai Pencapaian Murid Melalui Kaedah Bercerita

Item	Perkara	Bilangan bersetuju	Bilangan tidak setuju
1.	Saya dapat memahami apa yang disampaikan oleh guru Sains menerusi cerita.	33	7
2.	Saya lebih faham apa yang akan dipelajari setelah mendengar cerita yang disampaikan.	29	11
3.	Saya dapat menjawab sesetengah soalan setelah mendengar cerita yang disampaikan.	35	5

Dapatan keseluruhan soal selidik mengenai pencapaian murid melalui kaedah bercerita daripada Jadual 10 dimasukkan ke dalam Rajah 5.



Rajah 5. Dapatan keseluruhan mengenai kefahaman murid tahun 5 dengan kaedah bercerita.

Daripada Rajah 5, secara keseluruhannya 32 (80.8%) orang murid Tahun Lima telah mengaku terdapat peningkatan kefahaman mereka terhadap tajuk pengajaran menerusi cerita. Manakala secara keseluruhannya, 8 orang (19.20%) orang murid

Tahun Lima tidak bersetuju kaedah bercerita dapat membantu mereka untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap tajuk pengajaran dan pembelajaran Sains.

Soalan Ketiga

Saya:Pada pendapat anda adakah cerita yang disampaikan dapat membantu anda dalam tajuk tersebut?

Murid A:Ya. Sebelum cikgu bercerita saya hanya tahu sedikit tentang tajuk bercerita saya tahun banyak.

Murid B :Ya, sebab saya dapat ingat sebahagian daripadanya.

Murid C:Ya. Setelah mendengar cikgu bercerita, saya tahu sikit-sikit berkaitan

Murid D:Ya, tapi ada yang saya tidak faham sehingga guru bagi penjelasan s

Murid E:Ya. Setelah mendengar cerita, saya dapat menjawab sesetengah so

Menunjukkan kaedah bercerita telah membantu peserta kajian dalam pembelajarannya juk kajian.

Rajah 6. Analisis transkrip temu bual saya dengan lima orang peserta kajian.

Rajah 6, menunjukkan lima orang peserta kajian yang ditemui bual mengaku bahawa kaedah bercerita telah membantu mereka dalam pembelajaran Sains.

Menurut Green (2004), cerita boleh menyediakan satu cara yang tidak mengancam untuk memudahkan pelajar dalam pembelajaran. Satu pembukaan naratif mungkin kelihatan ringkas dan mudah, tetapi ia membenarkan pelajar untuk berehat dan memahami satu contoh yang konkret sebelum bergerak kepada lebih butiran teknikal, teori atau dapatan.

Secara kesimpulannya, kaedah bercerita dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains telah berjaya untuk meningkatkan pencapaian murid-murid Tahun Lima terhadap topik yang dikaji.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah menunjukkan keberkesanannya kaedah bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran Sains. Namun begitu, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dibuat untuk meninjau persoalan kajian dengan lebih berkesan. Justeru itu, kajian lanjutan boleh diadakan.

Kaedah bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran adalah amat terbatas. Hal ini kerana penggunaan kaedah bercerita tidak dapat dijalankan pada setiap topic Sains kerana pembelajaran Sains dalam topik tertentu memerlukan murid-murid untuk membuat eksperimen. Maka, kaedah bercerita tidak dapat dijalankan pada setiap langkah dan topik pengajaran. Pada masa yang akan datang, kajian kaedah bercerita mungkin boleh diubah dengan menerapkan aktiviti-aktiviti ‘hands on’ dalam cerita. Maka, ia dapat dilaksanakan pada mana-mana langkah dan topik pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini juga dipengaruhi oleh penggunaan teknik semasa bercerita. Keberkesanan kaedah dengan penggunaan power point dalam cerita adalah berbeza dengan cara penyampaian cerita yang tidak menggunakanannya. Jadi, saya boleh membuat suatu kajian untuk membandingkan penggunaan teknik penyampaian cerita yang berbeza dalam kaedah bercerita seperti penggunaan buku besar.

Cadangan seterusnya adalah berkaitan dengan perbandingan kaedah bercerita dengan kaedah lain. Contohnya, perbandingan keberkesanan kaedah bercerita dengan kaedah bermain dalam pengajaran Sains.

Refleksi Penilaian Tindakan Kesan terhadap peserta kajian

Melalui kaedah bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran, pencapaian peserta iaitu murid-murid Tahun Lima telah berjaya ditingkatkan. Kaedah bercerita merupakan sesuatu teknik P&P yang menarik. Dapatkan kajian telah menunjukkan minat murid Tahun Lima ditingkatkan melalui kaedah bercerita terhadap topik "Keadaan Jirim".

Selain itu, cara guru menyampaikan sebuah cerita juga boleh dijadikan sebagai contoh kepada murid-murid Tahun Lima. Saya sebagai guru telah menyampaikan cerita saya dengan teknik-teknik bercerita yang pelbagai. Teknik-teknik ini boleh dijadikan sebagai contoh kepada murid-murid Tahun Lima yang akan terlibat dalam pertandingan bercerita.

Kesan terhadap amalan kendiri

Kaedah bercerita juga memerlukan penyampaian cerita yang berkemahiran tinggi. Ini termasuklah kemahiran untuk menulis cerita. Sesuatu cerita itu mungkin menarik tetapi jika tidak dapat disampaikan dengan baik, kesan yang diingini daripada cerita mungkin tidak dapat ditonjolkan. Kemahiran bercerita seseorang pencerita juga merupakan punca kejayaan sebuah cerita. Pencerita yang menyampaikan sebuah cerita dengan sebutan yang kurang jelas dan tidak lancar akan mengurangkan daya tarikan cerita tersebut. Saya sendiri telah membuat latihan berulang kali sebelum melaksanakan kaedah bercerita ini. Walaupun begitu, secara jujurnya saya mengaku bahawa gaya persembahan cerita yang dilaksanakan oleh saya masih boleh dipertingkatkan lagi.

Refleksi Perkembangan Kendiri Sebagai guru Sains

Proses perlaksanaan penyelidikan tindakan ini telah memberi peluang kepada saya untuk merasai profesi perguruan. Pada masa sekarang, guru bukan sahaja sebagai seorang pendidik malah seorang penyelidik. Guru merupakan agen perubahan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Hubungan antara saya dan murid-murid Tahun Lima juga terbina sepanjang perlaksanaan penyelidikan. Untuk mengumpul data, saya telah memasuki kelas Tahun Lima dengan lebih kerap daripada yang sepatutnya. Ini memberi peluang kepada saya untuk berinteraksi dengan murid-murid Tahun Lima sambil mengenali mereka. Hal ini turut dapat merapatkan hubungan guru dengan murid dan seterusnya menarik minat mereka kepada mata pelajaran Sains.

Selain daripada murid-murid, hubungan dengan pihak sekolah turut terjalin. Untuk menjayakan penyelidikan ini, saya telah meminta pandangan guru-guru lain terhadap peserta kajian saya. Ini termasuklah guru mata pelajaran lain yang turut mengajar mereka. Komunikasi dengan pihak sekolah seperti kerani turut berlaku di mana saya selalu meminta pertolongan daripada mereka untuk mencetak soalan Ujian Pra dan Ujian Pos. Sebagai seorang guru, komunikasi dengan rakan sekerja adalah amat penting untuk membentuk persekitaran dan suasana kerja yang kondusif.

Saya telah meminta bantuan daripada murid-murid contohnya seperti pada sesi temu bual. Ini telah memberi peluang kepada saya untuk menilai keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira pandangan daripada murid-murid sendiri. Daripada ini, saya boleh mengesan kelemahan proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menghasilkan rancangan proses pengajaran dan pembelajaran Sains yang lebih berkesan.

Sebagai penyelidik dalam penyelidikan

Melalui perlaksanaan penyelidikan ini, saya telah berpeluang untuk merasai pengalaman yang telah dilalui oleh seorang penyelidik. Pelbagai masalah dan cabaran telah dihadapi semasa perlaksanaan tindakan ini. Banyak pengetahuan terutamanya cara mengendalikan penyelidikan tindakan dan cara menulis laporan penyelidikan tindakan dipelajari sepanjang penyelidikan ini.

Penyelidikan ini turut memberi harapan kepada saya untuk terus menyelidik pada masa akan datang. Kelemahan dan kekurangan yang dikenal pasti daripada kajian tindakan ini telah memberi gambaran kepada saya untuk memperbaikinya pada penyelidikan yang seterusnya.

RUJUKAN

- Brophy, Jere (1998). *Motivating Students To Learn*. United States of America: Mc Graw Hill Company.
- Green, M.C. (2004). *Storytelling in Teaching*. Dipetik pada April 23, 2012 dari <http://www.psychologicalscience.org/observer/getArticle.cfm?id=1562>
- Omardin. (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henritta Sualan, Jessyla @ Assad Bt Shapri & Munirah Anis Bt Jamli. (2011). *Kepelbagai Budaya dan Analisis Buku Teks*. Dipetik pada April 23, 2012 dari <http://www.scribd.com/doc/47941439/PENGURUSAN-KURIKULUM-BILIK-DARJAH-KPF-5023>